



SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR memukul gendang sambil diperhatikan Mohamed Khaled Nordin (dua dari kiri) dan Tee Siew Kiong (empat dari kiri) dalam Majlis Perasmian Festival dan Perarakan Chingay di Johor Bahru, Johor, semalam.

- UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Sultan Johor rasmi perarakan Chingay

JOHOR BAHRU 29 Feb. - Perarakan Chingay yang diraikan masyarakat Tionghua di negeri ini setiap tahun mencatat sejarah tersendiri kali ini apabila pertama kali dirasmikan Sultan Ibrahim Sultan Iskandar malam tadi.

Ketibaan Sultan Johor pukul 8.20 malam itu disambut Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan negeri, Datuk Tee Siew Kiong serta Presiden Persekutuan Tionghua Johor Bahru, Datuk Seri Tey Kim Chai.

Kira-kira 300,000 pengunjung termasuk pelancong asing berse-sak-sesak untuk membanjiri pusat bandar raya ini menyaksikan perarakan tersebut yang juga merupakan acara tahunan penting dalam

kalender pelancongan negeri ini.

Perarakan yang memasuki tahun ke-144 itu disertai lima buah tokong dan 19 kereta berhias berarak sejauh 10 kilometer bermula dari Kuil Kuno di Jalan Trus hingga Kuil Xing Hong di Jalan Ulu Air Molek di sini.

Orang ramai turut dihiburkan dengan pelbagai tarian tradisional dan kebudayaan masyarakat Melayu, Cina dan India yang berlangsung secara gilang-gemilang selain malam tersebut turut diwarnakan pertunjukkan bunga api.

Selepas hampir dua jam dihiburkan dengan persembahan itu, Sultan Ibrahim berangkat meninggalkan majlis pukul 10.30 malam dengan diiringi tetamu-tetamu kenamaan.

Sementara itu, Kim Chai dalam

ucapannya berkata, sambutan perarakan tersebut mencatatkan sejarah tersendiri apabila buat julung kalinya dirasmikan oleh Sultan Ibrahim.

“Keberangkatan Sultan Ibrahim pada festival ini menunjukkan pengiktirafan baginda terhadap kebudayaan masyarakat Tionghua dan mencerminkan semangat muafakat bangsa Johor.

“Sultan Ibrahim juga sentiasa memberi perhatian terhadap soal kebijakan, kesejahteraan dan kepentingan pendidikan,” katanya.

Kim Chai berkata, perarakan Chingay adalah acara kebudayaan masyarakat Tionghua di negeri ini sejak tahun 1870 dan bukan sahaja dapat memupuk perpaduan antara kaum di negara ini malah mampu menarik kehadiran pelancong asing.